



جياتن كحاكيمان شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 6 Zulkaedah 1421
Tarikh : 31 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2000

Saman Gantian Secara Iklan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiulawal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan bagi tujuan penyelarasan amalan saman gantian secara iklan di Mahkamah Syariah diseluruh Negara. Mulai dari 1 Mac 2001, Iklan bagi Saman Gantian selain di akhbar yang meluas penyebarannya dan menggunakan bahasa yang difahami oleh pihak yang dimaksudkan, hendaklah juga dipaparkan di papan kenyataan Mahkamah, Masjid dan lain-lain bangunan yang munasabah sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh perbicaraan.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur
18 Disember 2000.